

Isikan jawapan yang betul pada pernyataan yang diberikan di bawah . Pilihan jawapan adalah **nikah, zihar, li'an, ruju', fasakh, khuluk, hadhanah, nusyuz, harta sepencarian, cerai taklik, poligami, iddah, talak**.

1. Perbuatan menyamakan isteri yang sah dan belum diceraikan dengan wanita yang haram dikahwini oleh si suami seperti ibunya. -----
2. Adalah satu bentuk penceraian yang juga dikenali sebagai tebus talak . -----
3. Merupakan tempoh menunggu yang wajib bagi perempuan yang diceraikan atau kematian suami. -----
4. Mak Kiah menasihati anaknya Lia yang kematian suami “ Lia, Islam mewajibkan untuk isteri kematian suami menunjukkan kesedihan dengan berpakaian sederhana dan tidak bersolek. Lia perlu menunggu sekurang – kurangnya 4 bulan 10 hari untuk berkahwin semula”. -----
5. Islam meletakkan ibu sebagai individu yang paling berhak menjaga anak dan zuriat dari sebuah perkahwinan yang dilanda penceraian. -----
6. Bermaksud dihimpun, dikumpul atau dicantumkan. Ia juga melibatkan lafaz ijab dan kabul untuk menghalalkan sesebuah perhubungan. -----
7. Abu melarang isterinya dari memakai pakaian yang ketat dan menjolok mata, namun dia enggan mengikut dan menuruti nasihat suaminya itu. -----
8. Setelah berlaku pergaduhan antara Ali dan Aliah, Ali melafazkan “ Jika kita bergaduh dan kau pulang ke rumah mak engkau, maka tercerailah kau dengan talak 1”. -----
9. Azman akan melangsungkan perkahwinan yang kedua pada cuti sekolah yang akan tiba. -----
10. Perbuatan melafazkan sumpah laknat disebabkan meragui status anak yang dikandung oleh isteri atau menuduh isteri berzina. -----
11. Semasa dalam tempoh iddah penceraian, Ahmad dan Siti telah bermuhasabah tentang kesilapan masing – masing dan lantas mengambil keputusan untuk kembali bersama dalam ikatan perkahwinan. -----

12. Megat dan Melati bersama – sama berkongsi wang simpanan mereka untuk membeli sebuah rumah teres, setelah bercerai secara baik, mereka mengambil keputusan untuk menjual rumah tersebut dan membahagikan wang jualan tersebut secara sama rata. –

13. Samad melafazkan kata – kata “ Aku ceraikan kau dengan talak 1” kepada isterinya

14. Ismail melakukan pengasingan tempat tidur dengan isterinya yang telah bercakap kasar dan enggan mengikut nasihat beliau. Pengajaran dan tindakan Ismail itu selari dengan ajaran Islam dalam menghadapi isteri yang -----

15. Puan Lina membuat permohonan cerai di mahkamah syariah kerana suami beliau enggan bercerai secara baik dan alasan permohonan cerai tersebut adalah kerana suaminya itu gagal memberikan nafkah zahir selama lebih 3 bulan tanpa sebab, dan memukulnya apabila bergaduh. -----

16. Zali memarahi isterinya dan mengeluarkan kata – kata “ Kau bagiku tidak ubah seperti punggung ibuku sahaja”. -----

17. Terdiri dari syarat – syarat sah yang melibatkan bakal suami, bakal isteri, saksi, wali dan akad. -----

18. Tempoh selama 3 kali suci ditetapkan dalam Islam bagi wanita yang diceraikan oleh suami. -----

19. Tempoh yang diberikan oleh Islam untuk pasangan kembali berbaik – baik setelah terlafaznya cerai talak raj'i) tanpa memerlukan kepada akad yang baharu. -----

20. Tujuan dibolehkan perkara ini adalah untuk membantu dan membela nasib para ibu tunggal atau wanita yang sudah berusia untuk memiliki sebuah keluarga yang harmoni. -
